

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[LEMBAH PANTAI]****SOALAN :**

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai jumlah maahad tahfiz yang telah berdaftar dengan Kerajaan, anggaran maahad tahfiz yang belum berdaftar mengikut kawasan Parlimen, serta strategi untuk meningkatkan jumlah pendaftaran maahad tahfiz

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik dalam Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) sehingga Februari 2019, jumlah maahad tahfiz yang telah berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri ialah sebanyak **937buah** merangkumi 918 maahad tahfiz swasta dan 19 buah maahad tahfiz negeri. Perinciannya seperti yang berikut:

| <b>BIL</b> | <b>NEGERI</b>   | <b>MAAHAD TAHFIZ<br/>SWASTA<br/>BERDAFTAR</b> | <b>MAAHAD<br/>TAHFIZ NEGERI</b> |
|------------|-----------------|---|---------------------------------|
| 1.         | Johor           | 129   | 0                               |
| 2.         | Kedah           | 73  | 1                               |
| 3.         | Kelantan        | 53  | 7                               |
| 4.         | Melaka          | 53  | 1                               |
| 5.         | Negeri Sembilan | 25  | 0                               |
| 6.         | Pahang          | 43  | 1                               |
| 7.         | Pulau Pinang    | 26  | 0                               |

|               |                     |            |           |
|---------------|---------------------|------------|-----------|
| 8.            | Perak               | 73         | 5         |
| 9.            | Perlis              | 12         | 0         |
| 10.           | Selangor            | 357        | 4         |
| 11.           | Terengganu          | 0          | 0         |
| 12.           | Sabah               | 33         | 0         |
| 13.           | Sarawak             | 22         | 0         |
| 14.           | Wilayah Persekutuan | 19         | 0         |
| <b>JUMLAH</b> |                     | <b>918</b> | <b>19</b> |

Sumber: Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) sehingga Februari 2019

Berdasarkan dapatan tahun 2017, anggaran maahad tahfiz di seluruh negara yang masih belum berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri ialah sebanyak 669 buah.

Dalam usaha meningkatkan jumlah pendaftaran maahad tahfiz swasta, Kerajaan pada tahun 2017 telah memberi insentif sebanyak RM10,000.00 kepada setiap institusi tahfiz swasta yang diluluskan pendaftaran dengan pihak berkuasa agama negeri. Ia melibatkan 33 buah sekolah tahfiz swasta dengan kos keseluruhan berjumlah RM330,000.00. Inisiatif ini diteruskan pada tahun 2019 dengan jumlah insentif yang sama.

Sekian, terima kasih.